

**ASAS PERTIMBANGAN KELULUSAN LESEN PENGUSAHAAN ATAU PENYEDIAAN PERKHIDMATAN
PENGURUSAN PEMBERSIHAN AWAM.**

Pemotongan Rumput Di Tempat Awam dan Bebendul Jalan Awam.

ASAS PERTIMBANGAN YANG DINYATAKAN HANYA MERUPAKAN KRITERIA UMUM KELULUSAN LESEN YANG MERUPAKAN RUJUKAN KEPADA PERMOHONAN SEBELUM MEMOHON LESEN. ASAS PERTIMBANGAN BERDASARKAN SETIAP ZON PERMOHONAN.

1. Ketepatan makluman yang dinyatakan di dalam borang permohonan (sekiranya terdapat maklumat yang dinyatakan didapati PALSU maka permohonan akan ditolak secara automatik).
2. Bebas daripada mana-mana kesalahan undang-undang berkaitan sisa pepejal, undang-undang berkaitan rasuah dan kesalahan lain yang boleh dihukum penjara (terhadapnya sahaja atau tambahan atau gantian terhadap denda) bagi tempoh lebih 2 tahun.
3. Keupayaan kewangan iaitu purata penyata tiga bulan terakhir dan kemudahan kredit tidak kurang **RM2,500** bagi setiap zon yang dipohon.
4. Mempunyai pengalaman kerja di dalam bidang berkaitan pengurusan pembersihan awam.
5. Mempunyai bilangan pekerja yang mencukupi (tidak kurang 10 pekerja bagi setiap zon).
6. Mempunyai depoh.
7. Mempunyai bilangan kenderaan yang mencukupi (1 lori open tipper bagi setiap zon).
8. Mempunyai peralatan dan jentera yang berkaitan (Contohnya mesin rumput bertolak, traktor dengan mesin rumput di belakang dan mesin pemotongan rumput).
9. Mempunyai pelan perkhidmatan kerja.